# TITAH

## MAJLIS PERASMIAN

## FESTIVAL KONVOKESYEN

## KALI KE-49

## TITAH DULI YANG MAHA MULIA

## RAJA ZARITH SOFIAH BINTI ALMARHUM SULTAN IDRIS SHAH

## CANSELOR

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**10 OKTOBER 2012**

*BISMILLAAHIRRAHMAANIRRAHIIM*

*ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA*

YANG BERBAHAGIA PROF. DATUK IR. ZAINI BIN UJANG,
NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA ;

YANG BERBAHAGIA PROF. DATUK DR. MOHD.TAJUDIN BIN HAJI NINGGAL,
TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL MAHASISWA DAN ALUMNI ;

YANG BERBAHAGIA PROF. IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM;
TIMBALAN NAIB CANSELOR PEMBANGUNAN DAN INOVASI;

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ROSE ALINDA BINTI ALIAS;
TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA;

YANG BERUSAHA SAUDARA WAN FRANY MUHTAHDIN BIN MASBAK
PENGARAH FESTIVAL KONVOKESYEN UTM KALI KE-49;

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI;

DEKAN-DEKAN, PENGETUA-PENGETUA KOLEJ DAN ;

BARISAN MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA UTM ;

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR BETA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA, KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL DALAM MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL KONVOKESYEN UTM KALI KE-49 PADA MALAM INI.

SEMPENA MAJLIS YANG AMAT BERMAKNA INI, BETA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TAHNIAH KEPADA SELURUH TENAGA KERJA YANG TELAH BERSUNGGUH-SUNGGUH

MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB BAGI MENJAYAKAN MAJLIS INI TERUTAMANYA KEPADA AHLI JAWATANKUASA SEKRETERIAT FESTIVAL KONVOKESYEN INI.

BETA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA SEMUA GRADUAN UTM YANG TELAH BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN. SEMOGA KEJAYAAN INI MEMBERIKAN SUMBER INSPIRASI KEPADA PARA GRADUAN DALAM MENCAPAI CITA-CITA MEREKA.

BETA JUGA BERHARAP PARA GRADUAN APABILA TELAH MEMASUKI ALAM PEKERJAAN NANTI AKAN DAPAT MENCURAHKAN HASIL KERJA YANG BERKUALITI BAGI MEMBANGUNKAN AGAMA, BANGSA DAN NEGARA KE PERINGKAT ANTARABANGSA SETERUSNYA MENGHARUMKAN NAMA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DAN NEGARA MALAYSIA KHUSUSNYA DI MATA DUNIA.

MAHASISWA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA PERLU SENTIASA MEMPERSIAPKAN DIRI DAN MENINGKATKAN PRESTASI BAGI MEMENUHI KEHENDAK SEMASA. SEBAGAIMANA KITA SEDIA MAKLUM, DUNIA PEKERJAAN BEGITU MENCABAR KETIKA INI. JUSTERU ITU, BETA MENYERU MAHASISWA SEKALIAN MEMPERTINGKATKAN USAHA DAN KREATIF SEBAGAI LANGKAH PERSEDIAAN UNTUK BERSAING DENGAN MAHASISWA LAIN DI IPT SELURUH MALAYSIA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

FESTIVAL KONVOKESYEN UTM KALI KE-49 BERMULA PADA HARI INI IAITU 10 OKTOBER 2012 SEHINGGA 17 OKTOBER 2012 DICORAKKAN DENGAN BEBERAPA KELAINAN DALAM PENGISIAN PROGRAM BERBANDING TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA DAN BERTEPATAN DENGAN TEMA FESTIVAL KONVOKESYEN KALI INI IAITU “INOVASI, VARIASI, TRANSFORMASI”.

SESUNGGUHNYA, PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN MAHASISWA DALAM AKTIVITI UNIVERSITI SEPERTI

FESTIVAL KONVOKESYEN INI AMAT DIALU-ALUKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI. INI SECARA TIDAK LANGSUNG MEMBUKTIKAN BAHAWA PIHAK UNIVERSITI TELAH MELETAKKAN KEPERCAYAAN YANG TINGGI KEPADA MAHASISWANYA DALAM MEMIKUL TANGGUNGJAWAB YANG DIBERIKAN SERTA MAMPU MEMPAMERKAN KECEMERLANGAN DIRI DI LUAR BIDANG AKADEMIK.

SELAIN ITU, DENGAN ADANYA PENGLIBATAN SEUMPAMA INI, MAHASISWA DAPAT MENANAM TEKAD DAN MENYUNTIK SEMANGAT BARU BAGI MENINGKATKAN SAHSIAH DIRI SEKALIGUS MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERILMU, BERKEBOLEHAN, BERINOVASI, INTEGRITI DAN SENTIASA BERSEDIA MENGHADAPI APA JUA CABARAN. HARAPAN BETA AGAR UTM AKAN TERUS MAJU MENGECAPI KEUNGGULAN TERBILANG PADA MASA YANG AKAN DATANG.

AKHIR KATA, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRAHIM, BETA DENGAN INI MERASMIKAN FESTIVAL KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KALI KE-49.

*WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH,WASSALAMU ALAIKUM WARAHMATULLAAHI WABARAKAATUH*